



Ruj Tuan :
Ruj. Kami : PPDPP.PAW 100-2/2/13 Jld.7 ()
Tarikh : 17 Julai 2020

En. Adillah bin Abu Samah
Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
2-19-01 Worlwide @ 7,
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7
40000 Shah Alam , Selangor

Tuan ,

PERMOHONAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH UNTUK PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA SEKOLAH ATAU PELAJAR)

Dengan segala hormatnya surat tuan no. rujukan ME/2020/07/7 bertarikh 8 Julai 2020 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana ambil maklum dan **tiada halangan** bagi tuan untuk mengadakan Program tersebut yang melibatkan sekolah-sekolah di Daerah Petaling Perdana seperti yang dinyatakan dalam surat permohonan dengan syarat-syarat berikut :

- 2.1 Mendapat kebenaran dan kerjasama daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah terlibat;
- 2.2 Tiada sebarang **unsur paksaan** dari mana-mana pihak dan mereka berhak menerima atau menolak aktiviti tuan;
- 2.3 Segala aktiviti yang dijalankan oleh pihak tuan hendaklah **tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran** mereka;
- 2.4 Guru dan murid **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 2.5 Pihak penganjur dan sekolah hendaklah memastikan langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kebajikan para peserta dan guru sepanjang aktiviti / program;
- 2.6 **Tidak mengenakan sebarang bayaran penyertaan** kepada pihak sekolah dan aktiviti tuan tidak membawa implikasi pentadbiran dan kewangan kepada sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 2.7 Pihak penganjur dikehendaki memastikan **tidak ada unsur-unsur mengeksploitasi pihak sekolah** untuk tujuan jualan langsung atau mempromosi dagangan atau barangan kepentingan komersial syarikat kepada murid-murid dan warga sekolah;

..2//



Kami mengamalkan Sistem Pengurusan
Berkualiti Berasaskan MS ISO 9001:2015



PERMOHONAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH UNTUK PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA SEKOLAH ATAU PELAJAR)

- 2.8 Tiada sebarang perjumpaan bersama murid secara perhimpunan atau di luar kelas semasa dalam tempoh PKPP;
- 2.9 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut.

3. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 31 Disember 2020

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


(MUSA BIN ISMAIL)

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah,
b.p Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana.

rosdl/